



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 21 MEI 2026**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	INSENTIF IPKP MELEGAKAN PESAWAH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	LAIN – LAIN
2.	BOLD COFFEE MOVE FOR SILVER STATE, EVENTS, STARMETRO, M/S – 9	
3.	TUKUN TIRUAN TERENGGANU DILABUH SEBELUM TENGGUJUH, TERENGGANU, HAKAKAH, M/S – 6	
4.	HERET LEMBU SEBERANG SUNGAI GOLOK WAKTU MALAM, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 14	
5.	TERUJA DENGAN PERINDUSTRIAN, JANGAN SAMPAI LUPAKAN PESAWAH, PULAU PINANG, HAKAKAH, M/S – 4	
6.	TARMIZI SYOR PAHANG JADI BENTENG PERTAHANAN MAKANAN NEGARA, PAHANG, HAKAKAH, M/S – 16	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

# Insentif IPKP melegakan pesawah

**SUNGAI PETANI:** Penyaluran Intensif Pembajakan Kepada Pesawah (IPKP) bermula semalam melegakan pesawah yang bersedia memulakan musim penanaman padi minggu ini.

Rata-rata pesawah dari Unit 9, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merbok mengakui bantuan itu dapat meringankan kos operasi sepanjang proses penanaman susulan peningkatan harga diesel disebabkan krisis tenaga global.

Seorang pesawah, Samsudin Abd. Hamid, 60, berkata, IPKP meringankan kos membajak lebih 10 hektar sawah yang dikerjakannya di Kampung Telok Che Lela, di sini.

“Sebelum ini saya terpaksa menanggung kos tinggi kerana upah membajak di kawasan ini telah ditetapkan sebanyak RM150 sehektar yang perlu dilakukan sebanyak dua kali bagi setiap kali musim penanaman semula.

“Melalui penyaluran IPKP kali pertama sebanyak RM200 hari ini (semalam), diikuti baki RM100 kelak membolehkan kami bersemangat untuk bersawah. Ini kerana, rasa penat lelah kami berkorban menyediakan makanan ruji penduduk negara ini dihargai,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Seorang lagi pesawah, Ali Mat Diah, 58, dari Kampung Segantang Garam berkata, keresahan mereka selama ini menanggung banyak kos termasuk baja, racun, sedikit terubat dengan insentif berkenaan.

“Kenaikan insentif dari RM100 kepada RM300 merupakan langkah baik, tambahan pula ia disalurkan terus ke akaun pesawah berdaftar di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP).

“Sebagai pesawah berskala kecil, kami tidak mempunyai kemampuan menyediakan jentera pertanian untuk mengerjakan sawah sendiri. Insentif diterima membantu menanggung kos upah dikenakan pemilik jentera,” katanya.

Ketua Unit 9, PPK Merbok, Mohd Zahir Abd. Ghani, 54, merakamkan penghargaan kepada kerajaan menangani peningkatan kos membajak berikutan kenaikan harga diesel di pasaran.

“Jika sebelum ini kawasan kami hanya dapat hasil padi sekitar 1.2 tan setiap hektar kerana keadaan tanah yang tidak dibajak sempurna, namun kini kita percaya penghasilan padi akan meningkat ekoran insentif ini boleh menampung kos membajak sawah lebih dua kali,” katanya.

# Bold coffee move for silver state

Perak savouring potential of sought-after Liberica beans

MALAYSIA'S coffee-drinking culture has seen a sharp rise in the nation's coffee bean consumption in recent years.

International Coffee Organisation data placed the country third among 58 nations in terms of highest coffee consumption growth in 2021.

Yet despite the booming trend, particularly among Malaysian youths, there's insufficient local production.

Agriculture and Food Security Ministry reported that Malaysia imported about 90% of its coffee beans to satisfy industry needs.

Recognising the immense market potential, Perak has intensified cultivation efforts towards becoming one of the country's leading coffee producers.

Currently, Malaysia's coffee production is dominated by Johor, Sabah and Sarawak.

Guided by the national food security agenda under the "Perak *Sejahtera* 2030" plan, the state Agriculture Department is developing a more structured coffee ecosystem.

Enter "Kopi Perak", which was sparked by the *Cherita Secangkr* Kopi Festival in December 2023.

"With the global coffee industry projected to reach US\$690bil (RM2.7 trillion) by 2030, Perak wants to seize the opportunity to become one of the country's coffee producers," said Perak Agriculture director Norsiyenti Othman.

"We have identified several districts with strong potential to become major coffee-producing areas in Perak, including Hulu Perak (11.87ha) and Kuala Kangsar (10.13ha)," she told Bernama.

Although coffee cultivation currently covered only 51.18ha involving 48 smallholders, she said interest among farmers was steadily growing.

"We are implementing a cluster-based development approach to optimise participation."

Still in its early stages, Kopi Perak has yet to be marketed commercially despite being introduced via Malaysia Agriculture and Agrotourism Exhibition (MAHA) for the past two years.

"Most of the planting areas have only recently been developed, while existing plantations are undergoing tree rehabilita-



Hazian checking on Liberica trees at his farm in Pengkalan Hulu, as part of state-supported efforts to produce and popularise Kopi Perak. — Bernama

tion, resulting in limited current production," said Norsiyenti.

"However, we aim to begin marketing Kopi Perak this year through several parties, including the Perak State Development Corporation."

Kopi Perak is also expected to become part of the state's agrotourism identity.

Norsiyenti said the focus on Liberica was due to Perak's soil and climate conditions.

"The species thrives in alluvial soil and temperatures of 27°C to 30°C. It is disease-resistant, bears fruit throughout the year and has a lifespan of up to 25 years, making it highly suitable for development of Kopi Perak."

"Liberica has strong market demand because of its unique flavour."

"It is also easier to manage in terms of agronomic practices, making it a viable crop for smallholders," she said.

To support expansion efforts, Perak Agriculture Department is channelling various forms of assistance to farmers through

special allocations under the 13th Perak Development Plan.

The department established the Perak Coffee Processing Centre in Tapah last November to serve as a collection hub.

"We are planning to establish more centres and collection hubs at strategic locations in future to ensure large-scale production," Norsiyenti said.

A key component in developing the coffee supply chain lies in the role of local service providers responsible for purchasing and processing coffee beans into market-ready products.

Overseeing operations at the processing centre is Mohamad Syafiq Saad, 36, whose involvement began after Perak Agriculture Department sought out entrepreneurs to help process coffee produced locally.

"The centre not only helps farmers sell their produce but also ensures supply can be coordinated for processing and develop the industry in a more organised manner."

"Fresh coffee cherries are

currently priced at around RM3 per kilogramme and can increase to about RM4 per kg when delivered to the processing centre, giving farmers better returns."

Describing the process, Mohamad Syafiq said freshly harvested coffee cherries were soaked for one to two days to soften the fruit, particularly for Liberica as it has thicker skin than Arabica.

The cherries are then sorted according to quality before undergoing a peeling process to extract the beans, which are then dried.

After drying, the green beans undergo the roasting stage.

Drying and roasting Liberica require extra care because the beans are larger and denser, thus demanding stricter control to maintain quality.

Overall, the entire process from fresh cherries to roasted beans takes about three weeks before the coffee is ready to be marketed as the final Kopi Perak product.

Mohamad Syafiq said Liberica's distinctive characteristics set it apart from other coffee varieties.

"Compared with Robusta which is more bitter and commercial, or Arabica which is lighter and more acidic, Liberica offers a more complex flavour profile with fruity aromas resembling jackfruit and pineapple."

"This uniqueness positions Liberica as a high-potential coffee in the premium or speciality coffee segment, adding value to the development of Kopi Perak."

For coffee farmer Hazian Hamid, 65, the journey into coffee cultivation began unexpectedly after receiving recommendations and seed assistance from the Agriculture Department around 2019, before the Covid-19 pandemic.

"Previously, I only cultivated coconuts and had no experience in the coffee industry."

"But I took the opportunity to diversify and increase my income."

"I cultivate the coffee trees on my land, enabling continuous monitoring and maintenance," he said of his farm in Kampung Padang Kota, Pengkalan Hulu.

Hazian now has over 1,000 Liberica trees, producing 600kg to 700kg per harvest cycle.

"These trees are grown from seedlings. It takes three to four years before they begin producing fruit."

"The fruit itself takes another three to four months to mature from flowering to ripening," he said, adding that he harvests three to four times a year.

Hazian said one of the advantages of the crop was its resistance to disease and relatively low maintenance.

"That gives farmers an advantage because the crop does not require intensive control," he said, disclosing that each harvest could generate around RM3,000 in income.

He hopes Malaysia's coffee industry will continue to be strengthened, particularly in terms of price stability and market guarantees, to encourage more people to venture into coffee farming.

# Tukun tiruan Terengganu dilabuh sebelum tengkujuh

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

**KUALA TERENGGANU:** Kerajaan Terengganu mempergiat usaha menyiapkan 140 unit tukun tiruan menerusi projek 'The Making of Tukun Terengganu' bagi memastikan semua struktur itu dapat dilabuhkan sebelum musim tengkujuh tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dato' Dr Azman Ibrahim berkata, kerja pembinaan tukun kini dijalankan secara berterusan siang dan malam bagi mengesahkan tempoh akhir pelaksanaan program berkenaan.

Beliau berkata, Oktober hadapan ditetapkan sebagai garis akhir bagi kerja pelabuhan tukun untuk mengelakkan gangguan cuaca buruk

dan laut bergelora ketika Mon-sun Timur Laut.

"Kerja sedang berjalan siang dan malam demi memastikan 140 unit tukun dapat disiapkan dan dilabuhkan sebelum musim tengkujuh bermula di Terengganu tahun ini.

"Ini bermakna sekitar Oktober adalah garis akhir Program Labuh Tukun," katanya kepada media, baru-baru ini.

Menurutnya, pelaksanaan program itu dijangka memberi manfaat menyeluruh kepada komuniti nelayan di seluruh negeri.

Katanya, tujuh daerah pesisir pantai di Terengganu sudah dikenal pasti sebagai lokasi pelabuhan tukun tiruan berkenaan.


"Bagi tahun 2026, kita menyasarkan 20 unit tukun un-

tuk setiap daerah yang mempunyai kawasan pantai di Terengganu," katanya.

Katanya, inisiatif pelabuhan 140 unit tukun itu disifatkan antara projek pemuliharaan sumber marin terbesar pernah dilaksanakan kerajaan negeri.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi, selain menjadi habitat pembiakan hidupan laut, tukun tiruan itu juga berperanan memperkukuh keterjaminan makanan dan membantu meningkatkan pendapatan nelayan tempatan.

"Langkah itu dijangka mampu menjadikan perairan Terengganu lebih produktif sebagai zon perikanan sekali gus mengekalkan kedudukan negeri itu sebagai antara pengeluar hasil laut utama negara," katanya.



Struktur tukun yang sedang dibina.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/5/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

# Heret lembu seberang Sungai Golok waktu malam



Pangkalan haram sepanjang Sungai Golok di Tumpat dikenal pasti antara laluan untuk kegiatan penyeludupan lembu korban dari Thailand menjelang Aidiladha. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

6 pangkalan haram jadi laluan penyeludupan dari Thailand menjelang Aidiladha



Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@bh.com.my

**Kota Bharu:** Sekurang-kurangnya enam pangkalan haram dikenal pasti menjadi laluan penyeludupan lembu dari Thailand menjelang Aidiladha tidak lama lagi.

Enam pangkalan haram berkenaan ialah Tualang, Pok Ngah Pisau Raut, Kuala Jambu, Tanjung, Rela dan Mek Gombak dengan semua pangkalan haram itu berada di sepanjang Sungai Golok di Tumpat.

Komander Briged Tenggara, Senior Asisten Komisioner Ahmad Radzi Hussain, berkata permintaan terhadap lembu seludup dijangka akan meningkat untuk kegunaan ibadah korban pada

Aidiladha nanti.

“Hasil risikan dan siasatan mendapati, modus operandi digunakan sindiket penyeludupan lembu ialah haiwan berkenaan akan ditarik secara senyap menyeberangi Sungai Golok untuk ke kawasan semak atau tebing sungai di sebelah Malaysia.

“Haiwan berkenaan akan dibawa ke kandang berhampiran atau kandang berdaftar dengan Jabatan Veterinar bagi mengaburi atau dikesan pihak berkuasa sebelum diangkut menggunakan lori.

“Kebanyakan pergerakan sindiket ini dilakukan pada waktu malam bagi mengelak daripada dikesan pihak berkuasa,” katanya ketika dihubungi.

Ahmad Radzi berkata, harga lembu dibeli di Thailand kira-kira RM2,000 hingga RM3,000 sekor bergantung kepada saiz, sebelum lembu berkenaan dijual di Malaysia dengan harga RM4,000

hingga RM6,000.

“Harga dijangka meningkat menjelang Aidiladha memandangkan permintaan tinggi untuk kegunaan ibadah korban.

“Dari segi upah pula, orang tengah akan menerima RM30 hingga RM50 bagi setiap ekor lembu diseludup dari Sungai Golok sehingga ke kandang.

“Transporter pula menerima upah RM1,000 hingga RM1,500 bagi setiap trip lori. Bayaran ini

bergantung kepada jarak, risiko dan jumlah muatan dibawa.

### Rondaan di laluan panas

“Sepanjang Januari hingga Mei, kita merekodkan lapan kes berkaitan rampasan lembu memabitkan nilai rampasan keseluruhan lebih RM1 juta.

“Daripada jumlah berkenaan, kita merampas 89 lembu bernilai RM329,000 dan lapan kenderaan bernilai RM672,000,” katanya.

Ahmad Radzi berkata, kegiatan itu dijangka meningkat menjelang Aidiladha, pihaknya mengambil beberapa pendekatan bagi mengekang kemasukan lembu seludup itu.

“Antara pendekatan yang dilakukan kita meningkatkan rondaan dan sekatan jalan raya di laluan panas penyeludupan, selain menjalankan operasi 24 jam di tempat strategik di sepanjang sempadan.

“Pada masa sama, kita meningkatkan risikan bagi mengesan pergerakan sindiket dan kerjasama antara agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga turut dipertingkatkan.

“Bagi pangkalan haram yang dikenal pasti itu, kita akan melakukan pemantauan dari semasa ke semasa dalam usaha mengekang kegiatan penyeludupan,” katanya.

“Sepanjang Januari hingga Mei, kita merekodkan lapan kes berkaitan rampasan lembu memabitkan nilai rampasan keseluruhan lebih RM1 juta”



Ahmad Radzi Hussain, Komander Briged Tenggara

# Teruja dengan perindustrian, jangan sampai lupakan pesawah

Oleh SARINA ISMAIL

**GEORGE TOWN:** Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu lebih proaktif memperkasakan sektor pertanian dengan memperkenalkan insentif-insentif baharu agar rantaian makanan asas tidak terputus, gesa **Amir Hamzah Abdul Hashim** (PN-Permatang Pasir).

Beliau berkata, hal tersebut perlu menjadi perhatian berikutan krisis antara Amerika dan Iran yang memberi impak kepada sektor tenaga dan rantaian bekalan dunia, tidak dapat dipastikan bila akan berakhir.

"Saya mencadangkan kepada yang terlibat dalam industri makanan ini kembali kepada peranan Buku Hijau yang dipelopor oleh Perdana Menteri kedua.

"Kerana ada yang menjangkakan akan berlaku krisis makanan jika perang Amerika dan Iran ini terus berpanjangan," kata beliau ketika mengambil bahagian pada ucapan perbahasan sempena Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, di sini baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau turut menggesa agar isu-isu berkaitan pesawah yang dilihat agak terpinggir di Pulau Pinang, diberi perhatian sewajarnya oleh Kerajaan Negeri.

"Kita sering bercakap tentang ekonomi dan terpesona dengan kilang-kilang industri seperti di Batu Kawan serta di Bayan Lepas. Tetapi kita terlupe kepada pesawah kita di Seberang Perai.

"Kos input harga baja, racun, benih, minyak diesel dan upah terus meningkat dan menghipit margin keuntungan pesawah kita," kata beliau lagi.

Dalam pada itu, infrastruktur dan sistem pengairan juga katanya, terutama di kawasan jelapang padi perlu dinaik taraf kerana tanpa bekalan air yang konsisten, sasaran penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun, hanya



Amir Hamzah Abdul Hashim

kekal menjadi angan-angan.

Beliau mengharapkan tanah-tanah bendang jangan dibiar ditelan pembangunan hartanah tanpa kawalan, sebaliknya para pesawah perlu dihargai sebagai barisan hadapan pembekal makanan negara.

## Syor kelapa sebagai tanaman ganti

Dalam pada itu, Amir selaku juga Timbalan Yang Dipertua PAS Kawasan Permatang Pauh turut mencadangkan tanaman ganti diusahakan di tanah sawah yang tidak lagi diusahakan.

"Di Permatang Pasir ini, banyak tanah sawah yang tidak lagi diusahakan kerana masalah air dan kos yang semakin meningkat. Jadi saya cadang diganti dengan tanaman kelapa. Kita buat kajian menyeluruh, tengok sama ada tanah bendang ini sesuai dengan tanaman kelapa atau tidak.

"Jika berpotensi saya juga nak cadang Kerajaan Negeri bantu pesawah yang berniat untuk tanam pokok kelapa pula," ulasnya turut memberi cadangan agar kelapa ditanam sebanyak 140 batang pokok dalam jarak satu kilometer dan matang serta berbuah

“ Di Permatang Pasir ini, banyak tanah sawah yang tidak lagi diusahakan kerana masalah air dan kos yang semakin meningkat. Jadi saya cadang diganti dengan tanaman kelapa. Kita buat kajian menyeluruh, tengok sama ada tanah bendang ini sesuai dengan tanaman kelapa atau tidak.

pada usia tiga tahun.

Sementara menurutnya, sebatang pokok boleh menghasilkan 20 biji kelapa dan dalam jumlah 140 pokok, ia mampu beroleh hasil hampir 2,800 biji kelapa.

"Dalam tempoh setahun petani akan dapat empat kali hasil. Pendapatannya tentulah lumayan, melebihi pendapatan pesawah," tambah beliau lagi.

Beliau turut menarik perhatian Sidang DUN berkenaan 400 hektar tanah sawah di kawasan Permatang Pauh dari Kubang Semang hingga ke Tanah Liat, yang tidak diusahakan.

Konvensyen Padi yang akan diadakan oleh Exco Pertanian Pulau Pinang ujarnya, diharapkan dapat membantu menangani masalah pesawah secara komprehensif, sekiranya mahu penanaman padi diteruskan.

## Isu banjir jadi igauan

Pada perbahasan itu, Amir turut menyentuh isu banjir yang sering melanda negeri berkenaan, malah musibah itu seolah-olah menjadi acara tahunan yang mengakibatkan kerugian harta benda mangsa yang terlibat.

Walaupun ujarnya, ada tindakan diambil tetapi ia masih lagi menjadi igauan penduduk negeri ini terutama di beberapa kampung seperti kampung kolam, Kampung Kota,

pung Kota sahaja sebaliknya kampung-kampung lain yang menghadapi masalah sama.

"Ada rumah yang kena banjir dan dalam masa yang sama air parit juga bertakung, lama. Baru-baru ini paip Pihak Berkuasa Air (PBA) pecah. Sepatutnya mengalir ke parit utama, tetapi mai ke parit Taman Arowana Emas yang dah sedia penuh dengan air," tegasnya lagi.

## Mengapa projek RTB tidak dimasukkan dalam RMK-13?

Sementara itu, **Mohd Sobri Salleh** (PN-Permatang Berangan) ketika mencelah perbahasan tersebut, membangkitkan persoalan berkenaan projek RTB yang melibatkan persimpangan di Lebuhrouting, muara Sungai Kereh, Sungai Jarak, Sungai Kulim dan Sungai Perai.

Beliau difahamkan projek yang akan dikendalikan oleh JPS itu tidak diberi keutamaan walaupun telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia ke 13 (RMK-13).

"JPS dah pohon kepada Kerajaan Persekutuan dan dimasukkan ke RMK-13 tetapi tidak diberi keutamaan. Oleh itu kita berharap supaya hal itu diberi perhatian semula sebab ia melibatkan banyak kampung. Di DUN Permatang Berangan ada, DUN Permatang Pasir juga.

"Saya juga ada sebut berkenaan kajian kerugian yang ditanggung oleh rakyat dan kerajaan akibat banjir," kata beliau yang juga Yang Dipertua PAS Kawasan Tasek Geluor.

Pandangan tersebut disokong serta diakui Azmi, malah banjir juga katanya membawa implikasi buruk kepada petani apabila air melimpah masuk ke kawasan bendang, sekali gus merosakkan tanaman.

"Dalam keadaan petani yang menghadapi pelbagai masalah. Ditambah dengan masalah banjir lagi, tentulah mereka terpaksa menanggung lebih kerugian lagi," kata beliau.



Mohd Sobri Salleh

Kampung Pantai Janggus Belakang Masjid dan juga Taman Arowana Emas.

Banjir yang berlaku di Kampung Kolam katanya, berpunca dari limpahan air Sungai Kulim dan selalunya akan mengambil masa beberapa hari untuk surut.

Justeru, beliau mencadangkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk menjadikan kolam ikan yang tidak digunakan di belakang kampung tersebut sebagai kolam penakungan sementara bagi mengatasi masalah itu dalam jangka masa pendek.

Dalam pada itu beliau juga mengharapkan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) tidak hanya melibatkan Kam-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/5/2026	HARAKAH	PAHANG	16

# Tarmizi syor Pahang jadi benteng pertahanan makanan Negara

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

**KUANTAN:** Kerajaan Pahang dicadang memperkasa sektor agromakanan secara menyeluruh bagi menjadikan negeri itu sebagai benteng pertahanan makanan negara dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi global dan krisis bekalan makanan.

**Ustaz Mohd Tarmizi Yahya** (PN-Panching) berkata, situasi dunia ketika ini termasuk kesan pandemik COVID-19 serta ketegangan geopolitik di Asia Barat memberi tekanan kepada ekonomi dunia dan rantaian bekalan makanan.

Menurutnya, kenaikan harga input pertanian seperti baja dan dedak import membuktikan negara tidak boleh terus bergantung kepada sumber luar bagi menjamin bekalan makanan rakyat.

“Saya mencadangkan supaya Pahang bangkit menjadi sumber pertahanan makanan negara. Pahang adalah negeri terbesar di Semenanjung dengan keluasan kira-kira 3.95 juta hektar.



**Mohd Tarmizi Yahya**

“Namun mengikut data statistik, sebahagian besar tanah kita masih tertumpu kepada tanaman komoditi seperti kelapa sawit yang seluas 856,000 hektar dan getah sekitar 196,000 hektar,” katanya.

Yang Dipertua PAS Kawasan Paya besar itu berkata

demikian ketika membahaskan usul menjunjung kasih titah diraja pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang di Wisma Sri Pahang, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, pergantungan tinggi negara terhadap import makanan menyebabkan Malaysia terdedah kepa-

da kawalan turun naik harga pasaran global.

“Sedangkan tanah untuk tanaman makanan ruji masih lagi minimum, di Pahang terutamanya kalau kita lihat tanaman untuk sayuran sahaja, hanya sekitar 233 hektar.

“Jadi data terkini menunjukkan Malaysia mengimport makanan sekitar RM70 bilion setahun dan sebagai negeri yang mempunyai tanah yang luas, ini adalah merupakan kerugian besar pada kita.

“Sekiranya kita dapat mengambil peluang daripada RM70 bilion tadi untuk kita usahakan menjadi sebahagian daripada pengusaha penyedia produk ataupun penyedia makanan utama da-

lam negara,” katanya.

Selain itu, Mohd Tarmizi mencadangkan supaya Pahang meneroka penanaman padi huma moden secara berskala besar seperti di Brazil dan Thailand, menggunakan benih tahan kemarau dan kurang penggunaan air.

“Pahang mempunyai hampir 12,000 hektar tanah terbiar yang boleh diteroka untuk pembangunan padi huma moden sebagai antara sumber makanan ruji negara,” katanya.

Beliau juga mencadangkan supaya Pahang dijadikan hab pengeluaran benih tanaman makanan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan petani di seluruh negara.

“**Saya mencadangkan supaya Pahang bangkit menjadi sumber pertahanan makanan negara. Pahang adalah negeri terbesar di Semenanjung dengan keluasan kira-kira 3.95 juta hektar.**”